



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Penetapan Harga Maksimum Bermusim ke atas barangan keperluan makanan terpilih sempena bulan Ramadhan hingga akhir bulan Syawal 1443**

---

Tarikh: 3 April 2022

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) akan melaksanakan Penetapan Harga Maksimum Bermusim ke atas barangan keperluan makanan terpilih sepanjang bulan Ramadhan dan Syawal 1443 Hijrah.
2. Penetapan Harga Maksimum Bermusim adalah bertujuan untuk mengawal harga beberapa barangan makanan terpilih khususnya bahan-bahan asasi yang mempunyai permintaan tinggi semasa musim perayaan. Inisiatif ini dihasrat dapat membantu rakyat dan penduduk di Negara ini dalam menampung perbelanjaan harian khususnya semasa musim perayaan sekaligus sebagai usaha pihak Kerajaan dalam menangani kenaikan harga barangan makanan pada masa ini.
3. Penetapan Harga Maksimum Bermusim ini akan dilaksanakan secara sementara iaitu bagi tempoh dua bulan bermula 01 Ramadhan hingga 30 Syawal 1443 Hijrah.
4. Sebanyak lapan (8) kategori barangan makanan terpilih ditetapkan harga maksimum bagi musim perayaan tahun ini, iaitu i) ayam bulat; ii) telur ayam; iii) daging (isi daging biasa); iv) mentega; v) marjerin; vi) minyak sapi; vii) tepung; dan viii) susu pekat, cair dan krim. Senarai penuh barangan ditetapkan harga maksimum secara bermusim ini dapat diakses melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau dimuatturun melalui laman sesawang JPES di [www.deps.gov.bn](http://www.deps.gov.bn). Dalam pada itu, para peniaga dinasihatkan untuk mengekalkan amalan persaingan sihat dalam perniagaan dengan menawarkan harga yang kompetitif di bawah harga maksimum yang ditetapkan.

5. Inisiatif Penetapan Harga Maksimum Bermusim ini adalah merupakan usaha tambahan kepada penguatkuasaan kawalan harga beberapa barangan makanan asasi yang sedang dilaksanakan secara berterusan ke atas minyak masak, susu tepung anak damit, beras (wangi, siam dan pulut) dan gula.
6. Selaras dengan penguatkuasaan Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), 2021 bermula 23 November 2021, sebarang ketidakpatuhan pihak peniaga ke atas Penetapan Harga Maksimum Bermusim boleh diambil tindakan menurut peruntukan di bawah Bab 10B, Akta Kawalan Harga, Penggal 142, iaitu kompaun tidak melebihi \$1,000. Manakala, bagi kesalahan berikutnya, boleh membawa kepada denda maksimum sebanyak \$20,000 dan penjara selama 5 tahun oleh mahkamah.
7. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung Penetapan Harga Maksimum Bermusim boleh dibuat melalui Talian Darussalam 123 atau aplikasi mudah alih PenggunaBijak.

\*\*\*\*\*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi